

KE MANA KITA HENDAK DIBAWA...?

BAHAYA-BAHAYA MENYATUKAN PELAJARAN AGAMA DI DALAM SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN

Perkara menyatakan pelajaran sekolah-sekolah agama ke dalam sekolah-sekolah kebangsaan yang dicadangkan Penyata Barnes itu sayogialah dipandang dan diperhati dengan saksama tujuan-tujuannya oleh orang-orang Islam supaya janganlah kiranya nanti merugikan dan juga bertujuan melonggar hak-hak perjanjian dengan Raja-raja Melayu yang perkara agama mereka tidak boleh dicampuri itu. Orang-orang Islam mesti memandang adakah yang demikian itu nanti dijadikan suatu helah lolos jarum lolos kelindan terutamanya apabila sebahagian daripada negeri-negeri Melayu, dengan tidak berfikri panjang lalu menyertai kehendak-kehendak penyata itu dengan memberi pula helah bahawa “perancangan-perancangan” terdiri daripada “orang-orang Islam” yang dijadikan sebab bahawa telah dipersejui oleh orang-orang Islam umumnya pada hal “orang-orang Islam yang duduk di sana nampaknya masih memandang masalah periu nasinya yang ditakuti mereka dimasuki pasir kalau mereka membangkang suatu dasar yang dikehendaki dijalankan.

INGATLAH SEBELUM KENA

(Oleh Edrus)

Saya telah pernah mengulas berkenaan dengan kehendak-kehendak menyatakan sekolah-sekolah agama di Johor dimasukkan ke dalam sekolah-sekolah Melayu yakni diberikan suatu masa yang tertentu untuk pelajaran-pelajaran itu dengan tujuan-tujuan supaya dapat dihapuskan sama sekali sekolah-sekolah agama yang ada berjalan dengan baiknya dari semasa ke semasa pada sebelah petang di seluruh Johor itu dengan bagus dan sempurna pertadbirannya.

Mula-mula masalah ini dibawa oleh Cik Azizah adinda kepada A. Onn bin Jaafar di dalam Majlis Mesyuarat negeri Johor tetapi yang demikian beberapa lamanya tidak dapat berjaya sekalipun suatu jawatankuasa khas telah dilantik untuk memberi penyata di dalam perkara itu di Johor ini pada mulanya sekolah-sekolah agama itu terletak di dalam kawalan Jabatan Pelajaran tetapi kemudiannya, sesudah perang ini, sekolah-sekolah agama itu diletakkan di bawah kuasa Jabatan Agama Johor yang mentadbir perihal dengan skim-skim yang ditentukan untuknya dan Alhamdulillah yang demikian telah berjalan dengan baik dengan bersesuaian mengikut dasar bahawa hal ehwal agama dan adat istiadat Melayu itu tidak berhak dicampuri oleh pemerintahan Inggeris.

Percubaan-percubaan bagi menghapuskan sekolah-sekolah agama itu

di Johor terutamanya nampaknya telah tidak berjaya apabila jabatan agama itu berdiri mempertahankan dan dengan demikian sekolah-sekolah di Johor itu tetap hingga hari ini masih berdiri sekalipun bertahun-tahun telah cuba diruntuhkan bukan sahaja nampaknya kemahuannya daripada orang-orang yang bukan Islam tetapi juga daripada “orang Islam” yang digunakan oleh anasir-anasir yang memandang bahawa pengajaran agama itu penghalang kepada kemajuan membawa pelajaran semata-mata untuk mati sahaja.

Adakah Johor dapat mempertahankan untuk selama-lamanya sekolah-sekolah agamanya itu? Adakah ia nanti dapat bertahan sekiranya di negeri-negeri lain seperti Perak, Kedah dan lain-lainnya bersetuju supaya sekolah-sekolah Quran mereka dimasukkan sahaja ke dalam sekolah-sekolah kebangsaan dengan diajarkan setengah jam sehari sebagaimana yang dikehendaki oleh Penyata Barnes di dalam perkara sekolah kebangsaan itu?

Bagi seseorang yang beriman dan percaya kepada kemuliaan agama Allah maka mereka boleh mensifatkan bahawa cadangan menghapuskan sekolah-sekolah Quran itu maknanya ditujukan kepada mengikuti kehendak-kehendak anasir-anasir yang tidak sudah-sudahnya semenjak Perang Salib dahulu bekerja untuk menghapuskan pengikut-pengikut Islam supaya tidak ada tinggal saki bakinya – mereka bekerja dengan cara kasar dan halus – yang halus membawa rancangan-rancangan mereka kepada pemerintah-pemerintah mereka dengan

menggunakan orang-orang Islam sendiri sebagai perkakas

melaksanakan segala tujuan dan cita-cita itu.

Perkara yang demikian ini telah dilakukan juga di mana-mana di dalam tanah-tanah jajahan dan dengan sebab itulah langkah-langkah yang ada berselindung di sebalik Penyata Barnes itu patut dicemburi oleh orang-orang Islam kerana ditakuti ada anasir-anasir itu di dalamnya oleh sebab tidak ada suatu sebab yang nyata dan tepat untuk membolehkan atau mengharuskan mengapa pelajaran-pelajaran agama itu mesti dimasukkan ke dalam sekolah-sekolah kebangsaan itu? Tidak ada suatu hujah yang maqkul atau yang tepat yang menjadi sebab supaya sekolah-sekolah agama itu dihapuskan dan disatukan ke dalam sekolah kebangsaan yang boleh diterima oleh fikiran-fikiran orang-orang yang sebenarnya Islam?! Dengan tidak ada sebab-sebab yang tersebut itu sudah tentu nanti orang Islam akan berkata tujuannya lain tidak untuk melangkah setapak bagi menghapuskan, sekurang-kurangnya melemahkan agama orang-orang Melayu oleh sebab mereka seolah-olahnya nampak cemburu kepada pelajaran-pelajaran Islam itu dan juga harus inilah suatu jalan yang akan mengambil setapak kuasa-kuasa agama yang ada kepada orang-orang Melayu dijadikan hak bersama kepada bangsa Malayan dan harus juga pelajaran agama yang setengah jam yang diajarkan mengikut kehendak Penyata Barnes itu ditujukan supaya “kanak-kanak kita itu berjiwa agama untuk mati sahaja” – bukan agama itu untuk hidup bekerja dan berjihad.

Saya tidak bersetuju sekali atas bantahan yang didatangkan

oleh Persatuan Ulama Kedah untuk memperpanjang masa pelajaran daripada setengah jam di dalam sekolah-sekolah kebangsaan itu oleh kerana yang demikian itu bermakna menyertai suatu kehendak yang berlawanan dengan tujuan dan hak-hak agama kita di negeri kita. Yang sebenarnya Persatuan Ulama Kedah patut menuntut dengan keras kepada Yang Maha Mulia Sultan Kedah supaya mendirikan hak-hak agama, mengadakan suatu skim untuk pelajaran-pelajaran sekolah agama yang teratur di negerinya sekurang-kurangnya seperti yang ada di Johor – bukan menyertai suatu rancangan yang akan

mengikat diri kita mencekkik leher kita yang bertujuan

nanti akan menghapuskan benih agama kita kepada nak-anak kita

yang akan datang terutamanya setelah mengetahui bahawa kelemahan kita memberi pelajaran kepada anak-anak kita itu sememangnya ada.

Saya patut memberi ingat kepada tiap-tiap buah negeri di Persekutuan Tanah Melayu bahawa menurut pendapat saya menerima Penyata Barnes menyatakan pelajaran agama setengah jam ke dalam sekolah kebangsaan itu tujuannya ialah memajukan setapak lagi kehidupan rancangan-rancangan meruntuhkan Islam di negeri ini dan harus di dalam masa sepuluh tahun lagi kemudian daripada itu yang setengah jam itu pun ditarik oleh sebab nanti dikatakan kebangsaan tidak berdasarkan agama dan yang demikian apa yang hendak kita kata dan sebut sedangkan sekarang beratus-ratus ribu tiap-tiap tahun pelajaran-pelajaran agama yang ada kepada anak-anak kita itu hanya pada kulit jua – tidak pada isinya.

Perkara pelajaran ini hendaklah diperhati dengan berat oleh tiap-tiap alim ulama kita khasnya dan orang Islam umumnya. Kita tidak boleh mempercayai atau kita tidak boleh mewakilkan dalam hal ini kepada orang besar-besar kita semata-mata oleh sebab banyak bukti-buktinya yang nyata mereka tidak sekali-kali bekerja mempertahankan sebenar-benarnya maslahat agama dan sebab itulah banyak hal-hal yang terjadi apabila sesuatu perkara tidak sesuai dengan perasaan dan menyentuh maslahat mereka maka mereka akan tidak mempertahankan hak-hak agama terutamanya pula di dalam perasaan hati mereka bahwasanya agama itu penghalang kemajuan dan cita-cita bangsa.

Dengan ini saya berharap mudah mudahan di dalam tiap-tiap buah negeri di dalam Persekutuan Tanah Melayu orang-orang Islam memikirkan bersama-sama – bukan berasing-asing akan bahayanya menyatakan sekolah-sekolah agama itu ke dalam sekolah kebangsaan dan perkaitannya dalam perkara mengambil hak-hak agama dari setapak ke setapak yang telah diakui di dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Mudah mudahan umat Islam akan insaf kepada apa ertiinya dan bagaimana maksud tujuannya serta anasir-anasir apa yang ada di dalam perkara itu adanya.